

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Latar belakang kajian

Kurikulum boleh diberi berbagai definisi. Umumnya konsep kurikulum merangkumi segala kegiatan sekolah yang formal iaitu merupakan aktiviti-aktiviti dan pengalaman- pengalaman yang sengaja dirancang oleh pihak sekolah untuk mencapai objektif-objektif, sama ada aktiviti itu dijalankan dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Tetapi sebenarnya dalam perskolahan pelajar-pelajar mempelajari bukan sahaja apa yang dirancang secara formal, ada berbagai-bagai perkara yang mereka pelajari secara tidak formal atau secara tidak sengaja terdapat dalam kurikulum sekolah. Maka timbulah rangkaikata Kurikulum tersembunyi.

Kurikulum tersembunyi ini (*the hidden curriculum*) yang dipelopori oleh Philip W. Jackson di Amerika Syarikat dalam tahun 1960an. Sejak itu ramai pakar kurikulum yang menumpukan pandangan mereka kepada kurikulum tersembunyi, umpamanya Dreegen (1968), Vallance (1973), Apple (1978) dan beberapa tokoh lagi.

Pelajar berada di sekolah sekurang-kurangnya lapan hingga sepuluh jam sehari dan lima hari seminggu. Secara purata kita anggarkan setengah daripada masa pelajar digunakan di sekolah dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sekolah. Menyedari hal ini maka Kementerian Pendidikan telah berusaha bagi memperbaiki kurikulum bagi membentuk pelajar.

Jikalau pendidikan dianggap sebagai usaha menyedia dan melengkapkan pelajar dengan berbagai-bagai pengalaman hidup, maka apa yang dirancang dalam kurikulum merupakan sebahagian kecil sahaja daripada pengalaman ini. Yang lainnya timbul daripada situasi-situasi yang tidak dirancang dan situasi-situasi yang tidak diduga dalam perancangan. Oleh itu sekolah mesti mengambil kira kepada perkara yang tidak dirancang ini sekiranya sekolah mempunyai matlamat mengubah pelajar dari segi pemikiran, perasaan, perbuatan dan kepercayaan kepada satu tahap yang diperakukan oleh masyarakat.

Oleh itu kurikulum tersembunyi dapat diertikan sebagai menyediakan pengalaman pelajar yang tidak diduga yang timbul daripada sesuatu kurikulum, serta juga pengalaman yang timbul daripada beberapa situasi yang terdapat di sekolah. Oleh kerana pengalaman yang diperolehi di sekolah itu membentuk personaliti pelajar, maka kurikulum tersembunyi ini dianggap penting.

Pakar-pakar Kurikulum merumuskan bahawa kurikulum tersembunyi bolch dilihat daripada dua dimensi iaitu mata pelajaran dan struktur-struktur institusi. Apple (1978) dalam tulisannya mengenai kurikulum tersembunyi " The Hidden Curriculum And The Nature of Conflict " memberi tumpuan kepada isi pelajaran atau apa yang diajarkan di dalam bilik darjah. Dalam mata pelajaran itu bermula dari pemilihan tajuk hingga kepada pengajaran dan pembelajaran mengenai sesuatu mesyj yang tersembunyi.

Manakala dimensi mengenai struktur-struktur institusi pula meliputi peraturan-peraturan, kelaziman-kelaziman dan prosedur-prosedur yang di adakan di sekolah untuk menyesuaikan tingkah laku- tingkah laku individu dengan keperluan-keperluan hidup dalam sesbuah institusi. Menurut Azizah Abd Rahman (1982) menyatakan kurikulum tersembunyi itu sebenarnya perlu diwujudkan, kerana sekolah tidak dapat memenuhi kepentingan-kepentingan individu sepenuhnya. Setengah daripada kehendak-kehendak pelajar terpaksa diketepikan, terutamanya jika kehendak-kehendak itu berlawanan dengan kepentingan orang lain ataupun mungkin akan menjasakan pentadbiran sekolah sendiri.

Dalam proses pengajaran di bilik darjah contohnya, terdapat ketiga-tiga bentuk tingkah laku yang tidak tertera dalam perancangan, walaupun dalam perancangan difokuskan kepada tingkah laku instrumental seperti menyampaikan pengetahuan yang berkait dengan prosedur-prosedur menginterpretasi peta. Mungkin terdapat juga tingkah laku moral di mana pelajar di perlukan supaya melakukan kerja mengikut tertib, tingkah laku ini sebenarnya tidak dijadikan sebahagian daripada apa yang dirancang dan dengan itu boleh dikelaskan sebagai tingkah laku hasil daripada kurikulum tersembunyi.

Terdapat juga tingkah laku "expressive" iaitu melalui restu guru di mana guru mungkin memulakkannya seperti dalam suasana sosial di bilik darjah dengan bertanya pelajar perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan topik yang diajar atau mendengar sesuatu peristiwa yang tidak berkaitan dengan pelajaran. Manakala terdapat juga keadaan di mana tingkah laku yang tidak mendapat restu daripada guru ataupun guru mungkin tidak menyedari perkara ini berlaku. Contohnya semasa guru mengajar terdapat pelajar

yang membaca bahan bacaan yang tidak berkaitan dengan pelajaran yang diajar, atau ada yang sedang berbual dengan rakannya di sebelah atau dengan cara berbisik-bisik tentang sesuatu yang tidak berkaitan dengan pelajaran.

Perawakan guru dan tindakan-tindakan yang dilakukannya, perawakan dan tindakan rakan sebaya dan suasana bilik darjah semasa pembelajaran berlaku juga dapat juga menghasilkan kurikulum tersembunyi. Semasa guru mengajar, guru mungkin menggunakan pendekatan yang unik dengan gaya dan suara yang cukup menarik. Keadaan ini mungkin dapat mempengaruhi pelajar untuk meniru gaya guru itu. Sebaliknya jika guru kurang berhati-hati mungkin kesilapan yang dilakukan oleh guru itu akan menghasilkan kurikulum tersembunyi.

Kurikulum Tersembunyi ini mungkin juga berlaku secara sedar di mana guru mungkin sekali-sekala menunjuk ajar mengenai perkara-perkara scharian yang baik dan yang buruk. Tingkah laku itu mungkin terhasil melalui situasi ini, Seorang pelajar terlambat masuk ke dalam kelas dan tidak pula mengucapkan sesuatu kepada gurunya. Ekoran dari peristiwa ini, guru mungkin memperkatakan sesuatu kepada pelajar sebagai amaran, berkemungkinan juga guru tersebut mengambil masa beberapa minit untuk bericter mengenai perbuatan yang tidak diingini itu. Tingkah laku seperti ini mungkin memberi pengajaran atau mungkin juga tidak. Secara umumnya terdapat tingkah laku yang tidak diduga berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Mengikut pandangan Dearden (1988) terdapat empat nilai hidup yang terterap melalui pengamalan tingkah laku yang tidak dirancang. Empat nilai itu ialah kejayaan, keberbasan, pengkhususan dan universalisme. Oleh itu sekolah mempunyai susunan struktur yang cukup sesuai untuk memberi pengalaman sosial ke arah alam dewasa, maka norma-norma yang diperkatakan itu mudah terterap.

1.2 Penyataan Masalah

Kurikulum merupakan aktiviti-aktiviti dan pengalaman-pengalaman yang sengaja dirancang oleh pihak sekolah untuk mencapai objektif-objektif sama ada aktiviti - aktiviti itu dijalankan di bilik darjah atau di luar bilik darjah. Namun apa yang terdapat dalam kurikulum merupakan sebahagian kecil daripada apa yang dipelajari dan mungkin juga sebahagian besar yang tercapai atau benar-benar dipelajari daripada kurikulum berlainan daripada apa yang diharapkan. Apa yang dipelajari yang tidak secara formal inilah dinamakan kurikulum tersembunyi.

Menurut Azizah Abdul Rahman (1982) Kurikulum tersembunyi ini telah banyak memberi contoh bagaimana berlakunya pembelajaran yang tidak sebenarnya dirancang malah kadang-kadang pembelajaran yang sepatutnya dielakkan. Umpamanya apabila seorang guru sejarah mengajar berkenaan dengan sejarah Perserikatan Tanah Melayu, ia mungkin menanamkan semangat anti British. Sesorang guru sejarah di England yang sedang mengajar berkenaan Empayar British pula, mungkin menanamkan bibit-bibit perkauman, memandang rendah terhadap orang Asia dan Afrika. Dalam perkataan lain

sescorang guru itu dengan sengaja atau tidak sengaja memasukkan sentimen-sentimen dan nilai-nilainya sendiri dalam pelajaran-pelajaran yang diajar.

Kurikulum tersembunyi ini juga berlaku di sekolah, apabila guru-guru secara langsung atau tidak langsung sama ada di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah, menunjuk ajar pelajar tentang perkara yang baik dan perkara yang buruk. Contohnya apabila sescorang pelajar tidak menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru. Tindakan guru ialah menasihati pelajar tersebut supaya mengubah sikapnya ataupun guru tersebut mungkin mendenda pelajar itu. Tindakan ini akan menjadi pengajaran kepada pelajar berkenaan ataupun pelajar-pelajar lain memperolehi pengajaran daripadanya.

Kurikulum tersembunyi juga bolch berlaku melalui interpretasi pelajar terhadap pelajaran yang diajar secara formal. Penjelasan yang dibuat oleh guru mengenai sesuatu seringkali bukan sahaja disalah fahamkan tetapi diterokai oleh pelajar secara lebih mendalam sehinggakan perkara-perkara yang ditemui oleh pelajar itu berlainan sekali daripada apa yang hendak disampaikan oleh guru.

Perkara ini bolch berlaku kerana apa yang terkandung di dalam sesuatu kurikulum sebahagian besarnya merupakan ilmu pengetahuan yang agak terpisah daripada situasi yang bolch digunakan secara terus. Olch itu menyebabkan banyak perkara yang tidak dirancang lebih senang dan lebih berkesan dipelajari. Olch itu kajian ini akan meninjau adakah kurikulum tersembunyi ini berlaku di dalam bilik darjah dan respon pelajar terhadap kurikulum tersembunyi ini.

1.3 Tinjauan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau perlakuan guru semasa mengajar mata pelajaran di dalam bilik darjah sehingga menghasilkan kurikulum tersembunyi dan sikap pelajar terhadap kurikulum tersembunyi tersebut. Disamping itu juga kajian ini juga akan meninjau tentang adakah kurikulum tersembunyi ini akan membawa kesan sama ada negatif atau positif kepada pelajar. Oleh itu objektif kajian ini ialah:

1. Melihat perlakuan-perlakuan guru semasa mengajar mata pelajaran di bilik darjah.
2. Mengkaji respon pelajar terhadap perlakuan guru semasa mengajar mata pelajaran.
3. Melihat kesan kurikulum tersembunyi berbanding dengan kurikulum formal kepada pelajar.
4. Hasilan kajian akan menjelaskan kepentingan kurikulum tersmbunyi kepada Kementerian Pendidikan, Pentadbir sekolah, guru-guru dan masyarakat. Oleh itu pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung perlu mendalamai peranan kurikulum tersmbunyi ini bagi merealisasikan matlamat dan Falsafah Pendidikan Negara.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan di atas, kajian ini akan menjawab soalan kajian berikut :

1. Apakah perlakuan guru di dalam bilik darjah sebagai kurikulum tersembunyi ?
2. Apakah respon pelajar terhadap perlakuan guru semasa mengajar yang boleh dianggap sebagai kurikulum tersembunyi?
3. Adakah perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi memberi kesan terhadap pelajar ?

1.5 Signifikan Kajian

1. Dapatkan kajian ini boleh memberi gambaran kepada guru-guru dan pihak sekolah mengenai kurikulum tersembunyi terutama yang berkaitan dengan perlakuan guru dalam bilik darjah.
2. Dapatkan kajian ini boleh digunakan oleh guru-guru dan pihak sekolah untuk membuat program-program yang bersesuaian sekiranya perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi ini membawa kesan yang positif kepada pelajar.
3. Dapatkan kajian ini akan mendedahkan kepada masyarakat umum tentang wujudnya kurikulum tersembunyi di dalam bilik darjah yang perlu diberi perhatian.
4. Dapatkan kajian ini akan mendedahkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia tentang wujudnya kurikulum tersembunyi di sekolah supaya tindakan sewajarnya dapat diambil untuk mempertingkatkan mutu pendidikan.

1.6 Batasan kajian

Kajian ini akan menumpukan kepada komunikasi guru dan pelajar semasa mengajar mata pelajaran di bilik darjah. Komunikasi yang dimaksudkan ialah tentang perlakuan guru iaitu gerak geri guru dari segi gerak geri guru semasa mengajar, perawakan dan personaliti, cara bertutur, respon guru terhadap murid, jangkaan guru dan cara guru menghormati dan menghargai pelajar semasa mereka mengajar matapelajaran di bilik darjah.

1.7 Definisi Operasional

Kurikulum Tersembunyi : Bermaksud perkara yang tidak dirancangkan secara formal tetapi berlaku dalam kurikulum formal. Untuk kajian ini kurikulum tersembunyi yang dikaji adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan perlakuan guru iaitu gerak geri semasa mengajar, perawakan/personaliti guru, cara guru bertutur, respon guru kepada pelajar, jangkaan guru terhadap pelajar dan cara guru menghormati dan menghargai pelajar.

Respon pelajar : Bermaksud jawapan, gerakbalas, sambutan daripada pelajar Terhadap kurikulum tersembunyi.

Perlakuan guru : Perangai, gerak geri, kelakuan dan perbuatan sepuluh orang guru semasa mengajar mata pelajaran di bilik darjah yang dianggap sebagai kurikulum tersembunyi..